

06/09/2002

Sambutan Hari Kemerdekaan di Langkawi lewat

Anak Merdeka

SEBAGAI anak jati Pulau Langkawi, Kedah, kami terkilan dengan sambutan Hari Kemerdekaan negara yang ke-45 di pulau Mahsuri ini, yang hambar dan boleh dikatakan sekadar melepaskan batuk di tangga.

Persoalannya, mengapakah sambutannya lewat daripada tempat lain di Malaysia. Perbarisan kemerdekaan di sini hanya diadakan pada 2 September lalu.

Sambutan pada hari bekerja itu kurang sesuai kerana orang ramai tidak dapat menyaksikannya kerana bekerja.

Apa yang saya tahu, sambutan tahun ini, terutama pada peringkat kebangsaan sungguh meriah dengan kehadiran rakyat berbilang kaum dan agama. Saya sendiri terpaksa membawa anak ke Alor Star untuk menyambut Hari Kemerdekaan.

Bagaimana, kita hendak menyemaikan semangat cintakan negara kepada generasi muda, sedangkan kita sendiri bagai meremehkan erti kemerdekaan itu sendiri.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersusah payah menaikkan nama Langkawi di mata dunia.

Oleh itu, kami berharap pada masa akan datang sambutan Hari Kemerdekaan di Langkawi disambut serentak di seluruh negara.

ANAK MERDEKA,

Pulau Langkawi, Kedah.